

Newspaper	Utusan Melayu
Date	04/08/17

Najib saksikan Latihamal Ex-Rimau 2017

KUALA LUMPUR 3 Ogos - Sebagai persediaan untuk berdepan dengan sebarang ancaman keganasan semasa penganjuran Sukan SEA ke-29, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengadakan Latihamal Ex-Rimau 2017 di Maktab PDRM Cheras, di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut meluangkan masa selama dua jam menyaksikan latihan berkenaan yang

menggabungkan kepakaran PDRM berdepan dengan situasi melibatkan ancaman pengganas.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Ex-Rimau 2017 yang dilaksanakan bersama oleh Majlis Keselama-

tan Negara dan PDRM itu bertujuan menguji tahap kesiapsiagaan dan tindak balas kementerian, agensi dan jabatan yang berkaitan dengan pengendalian ancaman keganasan semasa Sukan SEA Ke-29 yang dijadualkan berlangsung mulai 19 hingga 30 Ogos ini.

Terdahulu, Perdana Menteri yang tiba kira-kira pukul 3.30 petang menyaksikan simulasi *Tabletop Exercise* dan simulasi pasukan tindak balas

UM-4/8/2017 Pg. 3
krisis (CMT) yang diadakan secara tertutup oleh pasukan CMT.

Beliau kemudiannya menyaksikan pula demonstrasi anti keganasan yang diadakan oleh pasukan elit 69 Komando di padang kawad Maktab PDRM.

Demonstrasi oleh unit elit itu mempamerkan aksi melibatkan tindakan pasukan berkenaan ketika menyelamatkan tawanan daripada pengganas.